

Bimbang tak cukup bekalan akhirat

3 April 2022



PENGHUNI Rumah Teduhan Kasih menyertai aktiviti harian penduduk sebagai peluang untuk kembali kepada komuniti.

## *Bimbang tak cukup bekalan akhirat*

**Sungai Buloh:** “Saya tidak mahu meninggal dunia dalam keadaan masih ketagihan dadah.”

“Sebab itu, saya memilih untuk menetap di Rumah Teduhan Kasih Sungai Buloh bagi menjalani rawatan lanjutan,” kata lelaki yang mahu dikenali sebagai Rahman.

Rahman, 47, berkata, dia menetap di rumah berkenaan dua tahun lalu dan ia menjadi ‘madrasah’ kepadanya untuk menuntut ilmu agama yang dilupakan semasa bergelumbang dengan

najis dadah.

“Saya bimbang jika tidak mempunyai bekalan yang cukup untuk akhirat.

“Saya gunakan peluang ini memperbanyakkan amal ibadat bagi menggantikan amal ibadat yang ditinggalkan dahulu,” katanya.

Katanya, mendekat diri dengan Allah SWT adalah ‘ubat’ paling kuat untuk dirinya daripada kembali menagih dadah.

Katanya, dia pernah bebas dadah selama 16 tahun, tapi kembali menagih disebabkan

kelemahan dirinya.

“Saya menagih dadah pada usia 14 tahun dengan mengambil ganja dan heroin. Saya adalah penagih tegar dan pernah tinggal di bawah jambatan sekitar Lembah Klang selama tujuh tahun.

“Bawah jambatan ini umpama ‘perkampungan kecil’ penagih yang dihuni lebih 50 penagih. Di situ juga kami ‘berparti’ dengan dadah hingga khayal,” katanya.

Katanya, dia berhenti menagih apabila mendapatkan rawatan di Persatuan Penga-

sih Malaysia (Pengasih).

“Namun saya kembali menagih dadah dengan mengambil syabu pada 2016 hingga 2020,” katanya.

Rahman berkata, tidak dinafikan ada kalanya dia berasa menyesal apabila mengenangkan kisah silamnya yang gagal menjadi insan baik.

“Namun, saya perlu menguatkan hati untuk terus istiqamah terus membuat kebaikan walaupun permulaannya agak terlewat,” katanya.